

BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

IKLAN PENGAMBILAN MURID AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB AMBILAN TAHUN 2020

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempelawa murid lepasan **Tingkatan Tiga (3) Tahun 2019 yang menduduki Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)** untuk memohon program yang ditawarkan bagi ambilan Januari 2020 seperti berikut:

1. KETERANGAN

- 1.1. Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA) merupakan penggabungan Kurikulum Kebangsaan aliran tahfiz sains dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan kitab *turath* untuk murid tahfiz terpilih di peringkat menengah atas.
- 1.2. Matlamat pakej mata pelajaran Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab SUUA diperkenalkan adalah untuk memberi nilai tambah penguasaan ilmu tahfiz dan *turath* kepada murid Tingkatan 4 dan 5 aliran tahfiz sains.
- 1.3. Pelaksanaannya adalah bagi memantap dan memperkasa KBT dalam arus perdana ke arah melahirkan murid-murid yang seimbang dan cemerlang dalam mata pelajaran berasaskan *naqli* dan *'aqli* serta ilmu *turath* untuk menyediakan generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam mengikut acuan Malaysia yang menghayati konsep *Maqasid Syariah*.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah:

- 2.1. Warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 16 tahun pada 1 Januari sesi persekolahan tahun 2020;
- 2.2. Murid yang mengambil KBT KPM dari sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, dan sekolah swasta yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri;
- 2.3. Lulus ujian Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan mendapat sekurang-kurangnya 6A termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Pendidikan Islam / Hifz Quran / Maharat al - Quran / Bahasa Arab dan sekurang-kurangnya B dalam Matematik dan Sains;
- 2.4. Telah menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya 20 juzuk dan mendapat perakuan daripada pihak sekolah;
- 2.5. Calon akan melalui proses temu duga yang diadakan di pusat temu duga terpilih;
- 2.6. Pemilihan calon juga dinilai berdasarkan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Psikometrik (PPSi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kesihatan (PAJSK); dan
- 2.7. Bersetuju mengikuti program ini sehingga tamat tingkatan 5.

3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 3.1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my>
- 3.2. Calon yang didapati memberi maklumat salah atau tidak benar atau manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran kemasukan. Maklumat ini juga akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran murid.

4. MAKLUMAN DAN PERHATIAN

- 4.1. Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my> pada 31 Disember 2019 (selasa).
- 4.2. Calon yang berjaya dalam temuduga al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab boleh menyemak keputusan temuduga melalui laman sesawang <https://ytklik.terengganu.gov.my> pada 15 Januari 2020.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

27 Disember 2019 (Jumaat)

Jam : 11.59 malam

6. RUJUKAN DAN PERTANYAAN

Sila hubungi alamat berikut sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan :

**BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS BAWAH & 2
NO 2251, JALAN USAHAWAN 1,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p : Unit Dasar dan Perancangan Pendidikan Islam)
Nama : Mohammad Shariffuddin bin Jahuri
No. Telefon : 03-8321 7284
E-mel : shariffuddin@moe.gov.my**

**YAYASAN TERENGGANU
BANGUNAN YAYASAN
JALAN SULTAN ISMAIL
20200 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN
(u.p : Bahagian Pengurusan Imtiaz)
No. Telefon : 09-622 1733
Nama : Ust Wan Azman bin Wan Abdullah
E-mel : wanazman@gmail.com**